

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	26 May 2015

Sertai sistem kewangan Islam, industri halal

Malaysia pelawa pelabur Jepun

UM - 26/5/2015

■ TOKYO 25 MEI

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia mengalukan minat pelabur Jepun terhadap sistem kewangan Islam dan industri halal yang kini tumbuh dengan pesat.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia kini merupakan antara pasaran sukuk yang terbesar di dunia dan negara pertama di dunia yang memperkenalkan taman industri bagi produk halal.

"Sejak 2010, industri itu telah menarik kira-kira RM8.5 bilion pelaburan daripada Amerika Syarikat (AS), Itali, Taiwan dan Singapura," katanya ketika berucap dalam mesyuarat meja bulat bersama 34 ketua-ketua industri Jepun di sini hari ini.

Menurutnya, Jepun yang merupakan rakan dagang terbesar Malaysia selepas China dan Singapura juga sedar mengenai peluang-peluang pelaburan tersebut.

Yang hadir sama dalam mesyuarat tersebut ialah Presiden Persatuan Ekonomi Jepun-Malaysia (Jameca), Mikio Sasaki. Anggota delegasi Malaysia pula ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Sementara itu, Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke negara ini bermula semalam berkata, kini adalah masa yang sesuai untuk pelabur Jepun



**NIZAM
HAMID**

Melaporkan dari TOKYO, JEPUN

meningkatkan pelaburan mereka ke Malaysia ekoran dasar Malaysia yang mesra terhadap perdagangan dan pelabur luar.

Menurutnya, jumlah dagangan Malaysia berkembang dua peratus kepada RM1.6 trilion pada 2014 dan jumlah eksport pula meningkat kepada RM846 bilion, manakala import meningkat kepada RM756 bilion.

Tambahnya, asas ekonomi yang kuat menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan pelbagai langkah lain seperti meliberalisasikan ekonomi, mengurangkan subsidi dan meluaskan dasar percukaian, meningkatkan *ranking* Malaysia dalam daya saing dan mesra perniagaan di peringkat global.

Dalam pada itu Najib berkata, Malaysia dan Jepun akan memberi fokus terhadap kerjasama ekonomi dengan meningkatkan tumpuan terhadap pembangunan sektor strategi seperti teknologi tinggi dan industri perkhidmatan.

Menurutnya, perkara itu yang merupakan lanjutan kerjasama daripada Dasar Pandang ke Timur fasa dua masih dirundingkan oleh pegawai kedua-dua negara.

"Saya yakin inisiatif baharu ini akan mewujudkan banyak peluang



Asas ekonomi yang kuat menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan pelbagai langkah lain seperti meliberalisasikan ekonomi, mengurangkan subsidi dan meluaskan dasar percukaian, meningkatkan ranking Malaysia dalam daya saing dan mesra perniagaan di peringkat global."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

yang memberi bakal manfaat dan perkongsian bagi kedua-dua negara," ujarnya.

Terdahulu, Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor menghadap Maharaja Akihito dan Maharani Michiko di Imperial Palace.

Beliau turut menghadiri majlis makan tengah hari bersama bekas Perdana Menteri Jepun, Yoshiro Mori dan menerima kunjungan hormat, Menteri Luar Jepun, Fumio Kishida.